

Newspaper	Berita Harian
Date	20/11/2012

'Serangan 9/11 misi terancang AS'

BH - 20/11/12

» *Alasan
Amerika
ceroboh
negara Islam*

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**
dan **Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Tun Dr Mahathir Mohamad bersetuju dengan teori konspirasi bahawa serangan 11 September 2001 ke atas bangunan berkembar World Trade Centre (WTC) adalah satu misi terancang Amerika Syarikat (AS).

Bekas Perdana Menteri itu

berkata, serangan berkenaan bertujuan dijadikan alasan oleh AS untuk mencerooboh negara Islam yang kaya dengan hasil minyak dan gas.

Katanya, sebagai buktinya selepas peristiwa yang mengorbankan ribuan rakyat negeranya, negara kuasa besar itu kemudian melancarkan serangan dan mencerooboh Iraq serta Afghanistan.

Musuh sejagat


Beliau berkata, pencerobohan itu adalah permulaan kepada peperangan ngeri yang membunuh ratusan ribu orang Islam kedua-dua negara berkenaan, malah mereka turut dianggap sebagai musuh sejagat.

"Saya percaya jika kita terus berusaha mendapatkan waris

atau pihak tertentu (rakyat AS) bagi membongkar peristiwa ini (serangan 9/11), maka kita akan mendapat pengganasan sebenar," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Persidangan Antara-bangsa '9/11 Revisited-Seeking The Truth' anjuran Yayasan Keamanan Global Perdana (PGPF) di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Persidangan sehari itu menampilkan sembilan panel penceramah dari seluruh dunia termasuk bekas Ahli Kongres AS, Cynthia McKinney, Wartawan dan Pengarah Filem, James Corbet serta Pengasas Kejuruteraan dan Arkitek 9/11 Truth, Dr Richard Gage.



“*Sebagai buktinya
selepas peristiwa
yang mengorbankan
ribuan rakyat
negeranya, negara
kuasa besar itu
kemudian
melancarkan
serangan dan
mencerooboh Iraq serta
Afghanistan”*

**Tun Dr Mahathir
Mohamad,**
Bekas Perdana Menteri